



سمبوتن هاري فرخدمتن عوام
کالي ك-۳۲، تاهون ۲۰۲۵

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-32, TAHUN 2025

کبرداياتاهنن دان فرقادوان فرخدمتن عوام
فمٹکين کسجهتراءن نگارا

KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS

HARI ISNIN
07 RABIULAKHIR 1447H | 29 SEPTEMBER 2025M



سمبوتن هاري فرخدمتن عوام
کالي ك-۳۲، تاهون ۲۰۲۵

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-32, TAHUN 2025

کبرداياتاهنن دان فرقادوان فرخدمتن عوام
فمٹکين کسجهتراءن نگارا

KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS

HARI ISNIN
07 RABIULAKHIR 1447H | 29 SEPTEMBER 2025M

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



*Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri*



Petikan Titah

**Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31,
Tahun 2024**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmatNya jua dapatlah kita berkumpul di **Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, Tahun 2024** pada pagi ini.

Sesungguhnya sambutan ini adalah merupakan penghormatan kepada mereka yang berkhidmat tanpa mengenal penat lelah, yang memikul tanggungjawab berat, dan sentiasa berusaha untuk kemajuan negara.

Setiap penjawat awam adalah merupakan tulang belakang untuk menjayakan segala rancangan negara. Tanpa usaha mereka, semua rancangan akan terbengkalai dan menempuh jalan buntu.

Sambutan hari perkhidmatan awam bukan setakat untuk meraikan kejayaan dan pencapaian sedia ada, tetapi lebih bermakna ialah untuk kita membina azam ke arah masa depan yang lebih cerah.

Ini ada hubungan dengan tema sambutan, tentang dunia berubah begitu cepat, yang memerlukan perkhidmatan awam lebih bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran baharu yang muncul.

Untuk mencapai matlamat perkhidmatan awam, inovasi dan teknologi adalah kunci utamanya. Melalui teknologi canggih dan pendekatan inovatif, kita tidak hanya meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan, tetapi juga memastikan bahawa setiap yang berkenaan mendapat pengalaman yang sempurna.

Dengan teknologi terkini seperti sistem data besar, kecerdasan buatan dan aplikasi mudah alih, kita akan dapat merumuskan strategi yang lebih baik, meramalkan keperluan masyarakat dengan lebih tepat, dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan.

Namun, inovasi dalam perkhidmatan awam tidak hanya terhad kepada pengenalan sistem baharu, tetapi juga melibatkan perubahan cara berfikir dan bekerja.

Demikian antara asas tranformasi dalam perkhidmatan awam, yang menuntut perubahan menyeluruh dalam cara bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat.

Maka untuk itu, Beta telahpun memperkenalkan penubuhan **Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam** yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dengan melibatkan keahlian sektor swasta termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Dengan kepelbagaian keahlian ini nanti, dapatlah diharapkan sebarang dasar atau pembaharuan akan dapat dipertimbangkan secara holistik dengan penekanan kepada pendekatan 'whole of nation' dan 'whole of government'.

Di sini, Beta ingin mengingatkan supaya setiap penjawat awam akan sentiasa memelihara dan menanai misi kerajaan. Walaupun kita sudah banyak mencapai kejayaan, namun kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki lagi keupayaan diri.

Dalam dunia yang semakin kompleks, warga penjawat awam perlu mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk melihat perkhidmatan awam terus berada di hadapan.

Pada Majlis Sambutan Kali ini, Beta menyambut baik dan berbesar hati akan dapat melancarkan sebuah buku yang mengetengahkan aspek kepimpinan TOKOH JASAWAN NEGARA, Paduka Ayahanda Beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang bukan sahaja terkenal dengan kebijaksanaan Baginda dalam hal ehwal kenegaraan, malah juga sangat prihatin terhadap kemajuan perkhidmatan awam.

Dengan wawasan Baginda yang jauh ke hadapan, Al-Marhum telah berjaya mengasaskan dasar-dasar pentadbiran yang berdaya maju serta responsif terhadap kepentingan rakyat.

Al-Marhum juga sentiasa menekankan nilai integriti, profesionalisme dan disiplin dikalangan kakitangan awam.

Dalam mengenang kepimpinan Al-Marhum, kita perlu mencontohi nilai-nilai murni dan meneruskan legasi Al-Marhum dalam menjaga dan memajukan perkhidmatan awam demi kemakmuran negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati roh Al-Marhum dengan menghimpunkan Baginda ke dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang saleh.

Untuk akhirnya, kepada penerima-penerima Anugerah sambutan kali ini, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas khidmat yang mereka curahkan.

Semoga penganugerahan ini akan mendorong warga penjawat awam untuk terus bergiat memberikan apa yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Beta juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada setiap penjawat awam yang masih berkhidmat dan yang telah bersara di atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada pembangunan negara, serta juga kepada semua Jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Dengan kalimat *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli 'Ala Sayyidina Muhammad, Wa 'Ala Alihi Wasahbihi Wasallim*, Beta dengan sukacita melancarkan **Buku Jasawan Perkhidmatan Awam: Meneruskan Legasi Sultan Omar 'Ali Saifuddin III Tokoh Jasawan Negara**.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KANDUNGAN

1	SEKAPUR SIRIH
6	WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21
8	LOGO HARI PERKHIDMATAN AWAM
10	HURAIAN TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-32 TAHUN 2025
12	TEMA - TEMA HARI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2010 - 2025
14	IKRAR PERKHIDMATAN AWAM
16	ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)
21	KUMPULAN - KUMPULAN YANG MENYERTAI AIP
38	PROGRAM PENGGREDEAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA)
42	ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)
47	PENERIMA - PENERIMA APCPA
60	KHUTBAH JUMA'AT KHAS SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-32, TAHUN 2025
67	RISTAAN SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-31, TAHUN 2024
76	INFOGRAFIK PERKHIDMATAN AWAM
81	SENARAI JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-32, TAHUN 2025
87	SENARAI JAWATANKUASA EKSEKUTIF SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-32, TAHUN 2025

SEKAPUR SIRIH



SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita sekali lagi bersama-sama meraikan **Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 pada tahun 2025** ini. Tahun ini merupakan berakhirnya tema Sambutan iaitu **"Keberdayatahan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara"** sejak ianya diperkenalkan dalam tahun 2023. Tema ini membawa pengertian yang penuh bermakna terhadap kematangan dan keupayaan Perkhidmatan Awam menanai tugas dan tanggungjawabnya khususnya dalam menelusuri lanskap sektor awam yang sentiasa berubah dan semakin mencabar.

Ianya turut menekankan betapa pentingnya bagi warga Perkhidmatan Awam untuk terus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekelilingnya, yang boleh sahaja mempengaruhi sistem dan gerak kerja sedia ada dari pelbagai sudut. Ini adalah antara asas ke arah memastikan urusan tadbir dan kaedah penyampaian perkhidmatan akan terus berada di tahap yang cemerlang berpaksikan keperluan Rakyat dan Penduduk dan perkembangan Negara.

Perubahan-perubahan yang berlaku ini menguji ketangkasan dan kewibawaan setiap pemimpin dalam Perkhidmatan Awam dalam menerajui warga dan organisasi masing-masing. Makanya pelaksanaan transformasi dan penambahbaikan diperlukan untuk mewujudkan impak yang bermakna bagi semua pihak.

Dalam konteks ini, pengukuhan kesepaduan dan kesepakatan dalam berkhidmat merentas sektor awam, swasta dan masyarakat menjadi sangat penting sebagaimana juga sandaran kita terhadap pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation*.

Harapan kita bersama ialah Perkhidmatan Awam negara ini akan terus menanamkan sifat inovatif dan responsif yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Dengan ini, ia akan sentiasa bersedia mendukung kepimpinan bijaksana dan berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam setiap aspek kemajuan dan pembangunan negara selaras dengan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, sambutan kali ini akan dimuatkan dengan satu **Pameran Khas Hari Perkhidmatan Awam** yang mengetengahkan inisiatif-inisiatif yang dipelopori Kementerian dan Jabatan dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam pengurusan masing-masing sesuai dengan tuntutan evolusi teknologi digital masa kini khasnya Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence - AI*).

Disamping itu, satu **Persidangan Khas Perkhidmatan Awam** juga akan diadakan dengan tema 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Perkhidmatan Awam', yang mana akan melibatkan penceramah-penceramah yang berprestij serta berpengalaman dari dalam dan luar negara bagi membahaskan topik-topik berkaitan dengan AI dalam konteks Perkhidmatan Awam.

Semoga penganjuran pameran dan persidangan yang julung kalinya diadakan ini dapat mendedahkan warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat umum tentang manfaat dan potensi AI dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam serta menggalakkan transformasi minda warga penjawat awam untuk menjana kemajuan merentasi semua sektor keutamaan negara.

Alhamdulillah, Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32, sepertimana jua di tahun-tahun lepas, turut diserikan dengan Penganugerahan Anugerah-Anugerah Perkhidmatan Awam. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua penerima. Semoga anugerah tersebut akan menjadi azimat dan dorongan untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang serta menjadi teladan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas ditujukan kepada para penjawat awam yang telah bersara pada tahun ini. Semoga segala bakti dan jasa yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja ke Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-32 ini. Juga dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini. Semoga segala usaha yang dicurahkan akan mendapat ganjaran sebaik-baiknya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, seluruh warga Perkhidmatan Awam terus berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang adil dan berdaulat yang dikasihi rakyat akan sentiasa dalam kandungan sihat wal'afiat, bahagia, dilanjutkan usia, dan terus kekal qarar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri
Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II
Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-32, Tahun 2025



WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21





واوسن فرخدمتن عوام ابدك-۲۱

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun dan berusaha
dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam
dalam persekitaran yang sihat dan selamat
di bawah inayah dan petunjuk
Allah Subhanahu Wata’ala”



LOGO HARI PERKHIDMATAN AWAM





Logo yang **berbentuk huruf HPA** ini diambil ilham dari bangunan-bangunan yang elegan dan moden dengan sentuhan yang menggambarkan intipati dari Hari Perkhidmatan Awam. Bangunan tersebut memiliki struktur yang kukuh dan berwibawa, melambangkan kestabilan dan kepercayaan yang dibawa oleh warga perkhidmatan awam.

3 bentuk cahaya pelangi menuju ke panji-panji ini membawa maksud 3 matlamat Wawasan 2035. Kesatuan dalam beriltizam bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang sebagai penyumbang dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Warna Merah:

Melambangkan semangat dan dedikasi para warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan dengan penuh semangat. Ia juga melambangkan kesegeraan dalam memenuhi keperluan orang ramai.

Warna Kuning:

Dalam konteks logo Hari Perkhidmatan Awam, kuning melambangkan sikap positif dan optimistik yang ditunjukkan oleh warga perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Warna ini juga menggambarkan suasana yang terang dan cerah, mencerminkan ketelusan, keterbukaan, dan pendekatan pemimpin dengan rakyat.

Warna Biru:

Warna biru sering dikaitkan dengan kestabilan, kepercayaan, dan profesionalisme. Dalam logo Hari Perkhidmatan Awam, biru melambangkan komitmen warga perkhidmatan awam terhadap integriti, kepercayaan, dan kualiti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

HURAIAN TEMA



Perkhidmatan Awam adalah sebuah institusi dinamik yang bergerak mengikut arus peralihan zaman yang sangat kompleks serta cabaran-cabaran yang tidak dijangka termasuk mendepani krisis pandemik COVID-19 yang menggagalkan seluruh dunia. Ini telah memberikan impak terhadap lanskap Perkhidmatan Awam dan tidak kurangnya memberikan kesan terhadap kesihatan mental dalam tiga tahun kebelakangan ini. Krisis tersebut juga telah memaksa setiap penjawat awam untuk memiliki kedayatahan yang tinggi, sentiasa bersikap proaktif, responsif, inovatif dan tangkas serta mempunyai sikap perpaduan yang tinggi sesama warga Perkhidmatan Awam. Ketika negara berdepan dengan situasi pandemik COVID-19, teknologi tidak lagi menjadi opsyen malahan satu kemestian dalam memastikan kelangsungan pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam bagi mencapai kesejahteraan negara.

Dalam pada negara menghadapi pasca pandemik, salah satu teras keunggulan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada setakat mana warga kerjanya sentiasa berpandangan jauh dan mengamalkan nilai-nilai yang luhur lagi murni serta mengekalkan produktiviti kerja yang tinggi, di samping mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja.

Sehubungan ini, Perkhidmatan Awam perlulah sentiasa mempertingkatkan kredibiliti dan kompetensi setiap pegawai dan kakitangan dan mengekalkan amalan budaya berprestasi tinggi secara berterusan agar tampil berani dan bersedia bangkit dengan semangat yang jitu dalam menyahut cabaran-cabaran semasa. Kerjasama erat dan bersepadu diantara agensi-agensi Kerajaan dan agensi yang berkepentingan perlu diperkukuhkan lagi bagi memacu ekonomi negara agar tetap berdayatahan dalam menangani dan meminimalkan kesan dan risiko daripada sebarang krisis global antaranya termasuklah isu perubahan iklim yang sedang dihadapi pada masa ini.

Asas utama yang perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan ialah taqwa dan ihsan yang perlu diperkukuhkan bagi tujuan menghasilkan tenaga kerja yang berdayatahan, mendorong kepada pembangunan serta sentiasa beriltizam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai dan sektor swasta sebagai penyumbang kepada mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.



TEMA - TEMA

HARI PERKHIDMATAN AWAM

TAHUN 2010 - 2025



- HPA Kali Ke-17 :13 Zulkaedah 1431 | 21 Oktober 2010
- HPA Kali Ke-18 : 15 Zulkaedah 1432 | 13 Oktober 2011
- HPA Kali Ke-19 : 11 Zulhijjah 1433 | 17 Oktober 2012

2010 - 2012

**BERSATU PADU KE ARAH
MENCAPAI WAWASAN
BRUNEI 2035**

2013 - 2015

**URUSTADBIR DINAMIK
KE ARAH
KESEJAHTERAAN NEGARA**

- HPA Kali Ke-20 :1 Safar 1435 | 4 Disember 2013
- HPA Kali Ke-21 : 4 Safar 1436 | 27 November 2014
- HPA Kali Ke-22 : 12 Safar 1437 | 24 November 2015

- HPA Kali Ke-23 : 19 Muharram 1438 | 20 Oktober 2016
- HPA Kali Ke-24 : 3 Rabiulawal 1439 | 22 November 2017
- HPA Kali Ke-25 : 22 Safar 1440 | 31 Oktober 2018

2016 - 2018

**TRANSFORMASI KE ARAH
PERKHIDMATAN AWAM
YANG PROGRESIF**

2019 - 2022

**PERKHIDMATAN AWAM
BERINTEGRITI DAN
BERINOVASI PEMANGKIN
PEMBANGUNAN NEGARA**

- HPA Kali Ke-26 :15 Rabiulawal 1441 | 12 November 2019
- HPA Kali Ke-27 : 11 Safar 1442 | 29 September 2020
- HPA Kali Ke-28 : 22 Safar 1443 | 29 September 2021
- HPA Kali Ke-29 : 24 Rabiulakhir 1444 | 19 November 2022

- HPA Kali Ke-30: 16 Rabiulakhir 1445 | 31 Oktober 2023
- HPA Kali Ke-31: 26 Rabiulawal 1446 | 30 September 2024
- HPA Kali Ke-32: 07 Rabiulakhir 1447 | 29 September 2025

2023 - 2025

**KEBERDAYATAHANAN
DAN PERPADUAN
PERKHIDMATAN AWAM
PEMANGKIN
KESEJAHTERAAN NEGARA**

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM



IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

*Dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala,
kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
dengan ini berikrar:*

*Menjunjung tinggi dan menghayati falsafah negara
Melayu Islam Beraja (MIB) yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama
Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.*

*Memelihara dan mengamalkan dengan teguh
prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah
dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.*

*Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja,
mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi
cabaran.*

*Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama,
bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi
kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman,
makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan
serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.*

ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)



RENCANA ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) 2025



1. MUKADIMAH

Program Anugerah Inovasi Perdana atau ringkasnya AIP adalah merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam. Program ini melibatkan penelitan semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) yang menyumbang kepada pencapaian indeks keberkesanan kerajaan disamping membantu ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Program AIP ini adalah bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi kerajaan secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam secara amnya dan mendokong pencapaian strategi organisasi secara khususnya.

2. MATLAMAT



AHLI-AHLI PANEL BAGI PENILAIAN DAN PEMILIHAN AIP 2025



**AWANG ABDUL GHANI BIN
HAJI OTHMAN**

Pemangku Timbalan
Ketua Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan
Awam
Selaku Ketua Ahli Panel
Penilaian dan Pemilihan
AIP 2025



**DR. HAJAH NOOR MAYA
BINTI HAJI MD SALLEH**

Pengarah Institut
Perkhidmatan Awam,
Institut Perkhidmatan
Awam



**DAYANG HAJAH SITI
MARDYNAH BINTI HAJI
IBRAHIM**

Pengarah Pembangunan
dan Pengurusan,
Jabatan Perkhidmatan
Awam



**PENGIRAN DR. MOHAMAD
ISKANDAR BIN PENGIRAN
HAJI PETRA**

Pemangku Timbalan
Setiausaha Tetap
(Dasar dan Korporat)
Kementerian Pendidikan



**AWANG HAJI MOHD
RADZIMAN BIN
HAJI ABD RAHMAN**
Senior Vice President of
Business Strategy &
Development
Imagine Sdn Bhd



**KAPTEN (B) HAJI
MOHAMMAD AMIRUL
SHAHNOEL BIN
HAJI MOHAMMAD NOEH**
Advisor of
Brunei Innovation Lab

PENYERTAAN AIP 2025

Pada tahun ini, sebanyak dua belas (12) kertas projek dari enam (6) Kementerian telah diterima dan dipertandingkan yang melibatkan 57 peserta secara keseluruhan.

Senarai kertas projek yang dipertandingkan adalah seperti berikut:-

Bil	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
1	Sistem Pengurusan Digital (Sistem Aluan)	iNOV8	Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
2	Draft Legislation Database (DLD)	Taskforce DLD	Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri
3	E-RESOURCES 2.0, Transformasi Sumber Digital Pendidikan di Brunei Darussalam	Nextgen EdTech Team	Pusat Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan
4	Standard Guru Brunei – Penilaian Prestasi Guru (BTS-TPA)	Fattannah Amanah Siddiq Tabligh (FAST)	Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan
5	MOE Employee & Services Hub – MOE Event	MOE DevOps	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan
6	Electronic Application Service Ministry of Education – Majlis Bersama Rakyat	MOE DevOps	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan
7	UTB StaffHub: Empowering Excellence in Staff Management	UTB NEXUS	Bahagian Khidmat Pengurusan, Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan

Bil	Tajuk	Nama Kumpulan	Jabatan / Kementerian
8	Sistem Pengesan Wajah: Pengurusan Kehadiran Pengunjung Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka	JustFace	Unit Sirkulasi dan Teknologi Maklumat, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
9	National Information Hub (NIH)	JalinData	Data, Analytics and Insight Office, Digitalization Division, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi
10	Sistem Pemetaan Secara Digital Pili-Pili Bomba Di Negara Brunei Darussalam	FirePili Squad (FPS)	Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
11	Pelaksanaan Ujian Point-Of-Care International Normalised Ratio (POC-INR) Di Klinik Warfarin Bagi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Dan Hospital Suri Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam	Health Heroes United	Bahagian Point of Care Testing Jabatan Perkhidmatan Makmal, Pusat Jantung, Jabatan Kardiologi, Perubatan Dalam-dalam & Unit Hematologi, Jabatan Hematologi, Perubatan Dalam-dalam, Kementerian Kesihatan
12	Early Nursing Intervention on Proper Metered Dose Inhaler (MDI) Technique for Asthma Among Children Can Prevent Readmission to Hospital	Paediatric Nursing Services	Bahagian Kualiti dan Keselamatan Pesakit Kejururawatan, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan

PENUTUP

Anugerah Inovasi Perdana (AIP) ini Insya Allah akan diadakan pada setiap tahun bagi menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan amat mengalu-alukan lebih banyak penyertaan AIP daripada Kementerian / Jabatan, yang secara tidak langsung dapat memperkukuhkan lagi budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Untuk maklumat lanjut mengenai AIP, pihak yang berminat bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat www.msd.gov.bn atau menghubungi Urusetia AIP di talian 2382064/65/66.

KUMPULAN - KUMPULAN MENYERTAI AIP



PEJABAT KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian Teknologi Maklumat



Kumpulan iNOV8

1. “SISTEM PENGURUSAN DIGITAL (SISTEM ALUAN)”

AHLI-AHLI

Awang Muhammad Arif Firdaus Az-Zakirin bin Dato Paduka Awg Othman,
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Awang Haji Muhammad Abdul Hafiiz bin Haji Abdul Hamid,
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Awang Abdul Rafie bin Abd. Rahim, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Awang Ahmmad Hartunoo Suharddy bin Mohd Soud, Pegawai Kerja
Awang Muhammad Azib Imanuddin bin Awang Haji Sabtu,
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

SINOPSIS

Sistem Pengurusan Digital (Sistem Aluan) merupakan platform yang dibangunkan secara in-house bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan tadbir urus secara digital bagi Kurnia Peribadi KDYMM melalui pendekatan *Whole of Nation Approach*. Selaras dengan aspirasi *Smart Nation*, sistem ini direka untuk menangani pelbagai cabaran seperti proses kerja manual, ketidaktepatan data dan kekurangan keupayaan penjejakan yang cekap dan telus.

Pembinaan sistem ini menggunakan pendekatan *hybrid*. Sistem Aluan merangkumi beberapa modul utama seperti *Data Entry*, *Calling Management*, *Disbursement*, dan *Finance*. Ia turut menyokong penyediaan laporan masa nyata (*Live Update*) melalui integrasi dengan *Digital Reporting Link* (DRL) dan Power BI, sekali gus mempertingkatkan ketelusan dan pemantauan prestasi.

Dari segi impak, Sistem Aloan berjaya mengurangkan masa menunggu penerima dari lebih satu (1) jam kepada kurang lima (5) minit, manakala proses notifikasi bagi penerima berjaya dipendekkan daripada tiga (3) minggu kepada hanya satu (1) minggu. Penyediaan data *masterlist* serta pemantauan status juga kini boleh dilakukan secara *real-time* untuk meningkatkan kecekapan secara menyeluruh.

Sistem ini juga terbukti memberikan penjimatan dari segi kos pembangunan, mempercepatkan proses kerja dan mengurangkan ralat data. Hasil tinjauan menunjukkan 97% pengguna bersetuju bahawa sistem ini meningkatkan kualiti hasil kerja, manakala 77% menyatakan prestasi kerja mereka turut bertambah baik.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen ke arah pendigitalan yang mampan dengan memberi tumpuan kepada keperluan terhadap sistem yang telus, selamat dan cekap. Cadangan penambahbaikan termasuk penaiktarafan teknologi dan kerjasama antara agensi dijangka dapat mengatasi cabaran sedia ada, seterusnya memastikan proses pengagihan bantuan dilaksanakan secara lebih sistematik. Pendekatan ini juga membuka ruang bagi melarutkan penggunaan sistem ke projek-projek lain yang berkaitan serta menjadikannya sebagai model pengurusan digital yang berskala dan adaptif.

JABATAN PERDANA MENTERI

Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri



Kumpulan "Taskforce DLD "

2. "DRAFT LEGISLATION DATABASE (DLD)"

AHLI-AHLI

Dayang Norismizan binti Haji Ismail, Penggubal Undang-Undang
Awang Omsarule bin Haji Awg Omar, Pegawai Pentadbir Kanan
Dayang Hajah Suryani Azminah binti Haji Mohd Jumin,
Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Hajah Dayang Norazamiah binti Haji Hambali,
Penasihat Undang-Undang Kanan
Dayang Hajah Zuraidah binti Pehin O.K.P.I. Dato Paduka Haji Sidek,
Pegawai Undang-Undang Kanan
Pengiran Hajah Ena Suraya binti Pengiran Haji Mohammad,
Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan
Awang Haji Md Abd Raafe' bin Haji Ibrahim, Penasihat Undang-Undang
Awang Qhairul Azim bin Nayan, Penasihat Undang-Undang
Dayang Hajah Norsham binti Haji Abdul Razak, Penganalisa Sistem
Awang Muhammad Yamin bin Haji Amatali, Penolong Undang-Undang
Negara.

SINOPSIS

Taskforce Penelitian Status Rang Undang-Undang telah ditubuhkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengadakan pemantauan yang aktif ke atas status draf undang-undang melalui pangkalan data. Sehubungan dengan itu, *Taskforce* Penelitian Status Rang Undang-Undang dengan kerjasama Pejabat Teknologi Maklumat dan Inovasi (TMI), Jabatan Perdana Menteri telah menghasilkan satu pangkalan data yang dinamakan sebagai *Draft Legislation Database (DLD)*. DLD ini direka bentuk melalui platform *Sharepoint* dan ditempatkan di dalam Portal Intranet Pejabat Peguam Negara.

Matlamat utama DLD adalah untuk mewujudkan pangkalan data undang-undang yang teratur serta memantau perkembangan terkini setiap draf undang-undang berpusat di Pejabat Peguam Negara. DLD juga boleh diakses oleh pihak berkepentingan melalui rangkaian dalam talian rasmi Kerajaan. Dengan adanya DLD, proses pengurusan dan penyimpanan rekod draf undang-undang lebih sistematik, efisien dan tepat.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pusat Teknologi Pendidikan



Kumpulan "Nextgen EdTech Team"

3. "E-RESOURCES 2.0, TRANSFORMASI SUMBER DIGITAL PENDIDIKAN DI BRUNEI DARUSSALAM"

AHLI-AHLI

Awang Haji Kairulazhar bin Haji Rosli, Pegawai Pendidikan

Awang Clement Wong Lee Peng, Pegawai Pendidikan

SINOPSIS

Negara Brunei Darussalam terus melangkah ke hadapan dalam agenda transformasi digital pendidikan, dengan platform MOE TV dan SUMBER DRMS memainkan peranan penting dalam penyediaan sumber pembelajaran digital yang berkualiti. Bagi memperkukuh lagi ekosistem ini, terdapat keperluan untuk memperkenalkan sumber pembelajaran yang lebih dinamik serta sejajar dengan perkembangan teknologi terkini.

Sebagai langkah strategik ke arah ini, E-Resources 2.0 diperkenalkan sebagai satu inisiatif utama dalam meningkatkan integrasi teknologi dalam pendidikan. Inisiatif ini menggabungkan teknologi canggih seperti animasi digital, kecerdasan buatan (AI), realiti terimbuh (*Augmented Reality*), serta alatan AI (*AI Tools*) untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan.

Selain itu, E-Resources 2.0 bertujuan untuk mengintegrasikan platform MOE TV dan SUMBER DRMS secara lebih sistematik, membolehkan akses yang lebih mudah kepada bahan pembelajaran digital. Inisiatif ini juga akan menyokong pembelajaran berasaskan keperluan individu, mengurangkan beban guru dalam penyediaan bahan pengajaran, serta membolehkan mereka memberikan lebih tumpuan kepada perkembangan pelajar secara holistik.

Melalui pelaksanaan E-Resources 2.0, sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam akan lebih sejajar dengan arus kemajuan teknologi global, sekali gus memastikan negara terus berada di barisan hadapan dalam transformasi digital pendidikan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah



Kumpulan “Fattannah Amanah Siddiq Tabligh (FAST)”

4. “STANDARD GURU BRUNEI – PENILAIAN PRESTASI GURU (BTS-TPA)”

AHLI-AHLI

Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
Awang Haji Mohammad Rasidi bin Haji Sulaiman, Nazir Khas
Dayang Norazlinah binti Awang Haji Hambali, Nazir Khas
Dayang Hajah Suraini binti Awang Haji Shahir, Nazir Khas
Awang Haji Mohammad Hamdillah bin Haji Metali, Nazir Khas
Awang Chin Shao Meng, Penolong Pengarah

SINOPSIS

Projek ini mengetengahkan pelaksanaan *Brunei Teacher Standards – Teacher Performance Appraisal* (BTS-TPA) 2.0 sebagai satu sistem penilaian prestasi guru berstruktur, objektif dan berteraskan kompetensi. Diperkenalkan oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah (JKSS), BTS-TPA 2.0 bukan sahaja menilai keberkesanan pengajaran guru secara menyeluruh melalui rubrik berdeskriptor, tetapi turut berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan profesional guru dan peningkatan kualiti pembelajaran pelajar.

Sistem ini berpandukan kepada 2 *domain*, 6 *standard*, dan 17 aspek kompetensi guru, yang disokong dengan prinsip *Bloom’s Taxonomy* dan Kemahiran Abad ke-21. Antara inisiatif utama yang memperkukuh pelaksanaannya ialah Pelan Pembangunan Profesional Guru (*Teacher Professional Development Plan*, TPDP) dan *School-Based Moderation* (SBM).

Berdasarkan data lima tahun kebelakangan, BTS-TPA menunjukkan peningkatan ketara dalam prestasi guru, dengan 99.1% guru mencapai Gred 3 ke atas pada tahun 2024. Pelbagai cabaran telah ditangani melalui bengkel, bimbingan 1-to-1, pencerapan rutin serta kerjasama dengan Brunei Darussalam *Leadership and Teacher Academy* (BDLTA), menjadikan BTS-TPA 2.0 sebagai sebuah sistem penilaian yang mampan dan berimpak tinggi dalam memacu kecemerlangan pendidikan negara.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Kumpulan “MOE DevOps”

5. “MOE EMPLOYEE & SERVICES HUB – MOE EVENT”

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Rose Azyyati binti Haji Abdullah, Pegawai Pelajaran Kanan
Dayang Saidatul Ekma binti Jamain, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Dayang Nursheila binti Ziziumiza, Jurutera Sistem

SINOPSIS

The MOE Event System is a transformative digital solution developed entirely in-house by the Ministry of Education’s DevOps team. This centralized platform revolutionizes the management of internal events, training programs, and attendance tracking across all departments by eliminating reliance on manual processes such as Google Forms, Excel sheets, and paper-based records. Through seamless online registration, automated approval workflows, dynamic dashboards, QR code-based check-ins, and instant notifications via WhatsApp and email, the system offers a fully integrated, efficient, and secure end-to-end event management experience.

Introduced through a successful pilot in 2023, the system is now adopted in over 95% of events conducted by the Human Resource Development (HRD) Division. It has enabled an 85% increase in digital adoption across departments and achieved a 100% user satisfaction rate. Its deployment has resulted in up to 80% operational cost savings by eliminating third-party software and reducing administrative overheads. Furthermore, by hosting all data on internal government servers, the system ensures full compliance with data privacy regulations and reinforces institutional data sovereignty.

Designed with scalability and future-readiness in mind, the MOE Event System is fully aligned with the Ministry of Education's Digital Transformation Plan 2023–2027, and directly supports the national aspirations outlined in Wawasan Brunei 2035. The platform reflects Brunei's commitment to modernizing the public sector, fostering a digitally competent civil service, and enhancing institutional efficiency and transparency. It also supports multiple UN Sustainable Development Goals (SDGs), including SDG 4 (Quality Education), SDG 8 (Decent Work and Economic Growth), SDG 9 (Industry, Innovation, and Infrastructure), SDG 12 (Responsible Consumption and Production), and SDG 16 (Peace, Justice, and Strong Institutions).

Looking ahead, the MOE Event System is being prepared for cross-ministry adoption and will be further enhanced with the integration of Artificial Intelligence (AI) to enable predictive analytics, optimize event planning, and personalise user engagement. The upcoming launch of a dedicated mobile application will provide users with convenient access to registration, event updates, and participation records anytime and anywhere. In parallel, an automated training program aligned with civil service regulations will be introduced to generate curated learning pathways for public sector professionals, ensuring continuous development and governance excellence across government entities.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Kumpulan "MOE DevOps"

6. "ELECTRONIC APPLICATION SERVICE MINISTRY OF EDUCATION - MAJLIS BERSAMA RAKYAT"

AHLI-AHLI

Dayang Hajah Rose Azyyati binti Haji Abdullah, Pegawai Pelajaran Kanan
Dayang Saidatul Ekma binti Jamain, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Dayang Nursheila binti Ziziumiza, Jurutera Sistem

SINOPSIS

The Majlis Bersama Rakyat (MBR) is a flagship digital innovation developed and led by the Ministry of Education's DevOps team, designed to modernize and streamline the registration and attendance process for Bruneian citizens and students residing abroad during the Majlis Bersama Rakyat, held in conjunction with official visits by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

Replacing outdated manual and Excel-based registration methods, the system introduces a secure, real-time digital platform that enhances operational efficiency, minimizes human error, and enables faster, more reliable data processing. This in-house solution was successfully piloted in the United Kingdom from 2023 to 2024, and subsequently in Australia in 2024, where it demonstrated its capacity to deliver a seamless user experience.

The system integrates several key features including self-registration through a user-friendly interface, participant will receive their notification of approval/status of registration instantly (either rejected or approved) through email once admin approve their registration, issuance of e-coupons for check-in purposes, and real-time dashboards for efficient attendance tracking and reporting. These enhancements have collectively reduced long queues during events, improved accuracy and transparency, and significantly elevated the overall experience for both participants and event organizers. The platform has achieved a 98% user satisfaction rate, underscoring its intuitive functionality and effectiveness.

Aligned with the national vision set out in Wawasan Brunei 2035, the MBR system supports the country's digital transformation goals by enabling high-quality, tech-driven public services, promoting digital literacy among citizens, and reinforcing institutional efficiency. Additionally, the system contributes meaningfully to several United Nations Sustainable Development Goals (SDGs), namely SDG 9 on Industry, Innovation and Infrastructure; SDG 12 on Responsible Consumption and Production through its paperless approach; and SDG 16 on Peace, Justice and Strong Institutions by supporting transparency and data integrity.

Looking ahead, the MBR system is positioned for expansion to more countries. It will further benefit from the planned integration of artificial intelligence to support intelligent user management, along with API functionality that facilitates seamless cross-agency data collaboration, strengthening Brunei's digital governance capabilities and extending its international reach.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Universiti Teknologi Brunei



Kumpulan “UTB NEXUS”

7. “UTB STAFFHUB: EMPOWERING EXCELLENCE IN STAFF MANAGEMENT”

AHLI-AHLI

Awang Alias bin Haji Abu Bakar, Penolong Pengarah / Timbalan Pendaftar
(Khidmat Pengurusan)

Dayang Nor Azemah binti Haji Abd Sahamd, Penolong Pendaftar

Awangku Muhammad Hafis bin Pengiran Damit, Penolong Pentadbir

Awang Ahmad Hanif Izzuddin bin Haji Hamidun, Pegawai Kerja (SkiPPA)

SINOPSIS

UTB StaffHub aims to be an innovative digital platform to streamline and centralise staff management processes at Universiti Teknologi Brunei (UTB). This system aligns with UTB’s Strategic Plan 2024–2028, particularly under Key Result Area 4: Governance and Sustainability, focusing on operational efficiency and financial efficacy.

The proposed UTB StaffHub will serve as a comprehensive, user-friendly platform integrating critical functionalities such as online contract renewals, staff promotion applications, advanced automated notifications, and customisable reporting capabilities. It will also feature modules for staff housing and transportation requests, ensuring seamless workflows and reducing administrative workloads. The system employs modern web technologies, role-based access control, and robust data encryption to ensure secure and efficient management of staff-related processes.

By adopting this centralised platform, UTB StaffHub aims to enhance decision-making capabilities, improve operational efficiency, and reduce errors in administrative functions. The project followed a structured development cycle, including requirements analysis, system design, implementation, testing, and deployment. Agile methodology will guide the development process to ensure iterative feedback and continuous improvements.

As UTB continues to innovate, UTB StaffHub serves as a vital step towards a fully integrated digital ecosystem, empowering the university to achieve its strategic goals and set new benchmarks in administrative efficiency.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka



Kumpulan "JustFace"

8. "SISTEM PENGESAN WAJAH: PENGURUSAN KEHADIRAN PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA"

AHLI-AHLI

Awang Mohammad Yadey Hazabillah bin Haji Md. Zain, Pegawai Perpustakaan
Awang Muhammad Darwish bin Haji Mohd Daud, Pelajar Penempatan /
Attachment Student

SINOPSIS

Dalam era digitalisasi, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) semakin berkembang dalam pelbagai sektor, termasuk dalam pengurusan perpustakaan. AI merujuk kepada simulasi Kecerdasan Manusia dalam mesin yang direka untuk berfikir dan belajar seperti manusia. Salah satu aplikasi AI yang semakin popular adalah teknologi pengesanan wajah. Teknologi ini sering digunakan dalam bidang keselamatan dan perbankan kerana kebolehannya mengenali individu secara automatik melalui ciri-ciri unik wajah. Ini menjadikannya lebih efisien dan selamat berbanding kaedah tradisional.

Projek Pengurusan Kehadiran Pengunjung Perpustakaan ini adalah merupakan kerjasama antara Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang dibangunkan oleh pegawai dan pelajar penempatan pada tahun 2024. Projek ini bertujuan untuk menghasilkan sistem pengesanan wajah pengunjung perpustakaan bagi menggantikan kaedah perkiraan manual. Sistem ini menggunakan teknologi pengesanan wajah bagi mengenal pasti orang ramai yang berkunjung ke perpustakaan dan merekod kehadiran mereka secara automatik.

Sistem ini juga akan membantu dalam analisis corak lawatan pengunjung, penyediaan statistik yang lebih tepat, dan menyokong inisiatif transformasi digital perpustakaan secara menyeluruh.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan



Kumpulan "JalinData"

9. "NATIONAL INFORMATION HUB (NIH)"

AHLI-AHLI

Dayang Raini binti Manyansin / Mohamed Yassin, Penganalisa Sistem
Dayangku Nur Syazwina binti Pengiran Haji Yasmin, Penganalisa Sistem
Awang Haji Muhammad Zulfakhri Iqbal bin Awang Haji Ahmad, Penjadual
Dayang Siti Hawa binti Aboo Samah, Penjadual

SINOPSIS

National Information Hub (NIH) ialah sebuah platform berpusat yang dibangunkan untuk menyelaraskan dan memudahkan perkongsian data umum antara agensi kerajaan dan organisasi luar secara selamat, terkawal dan piawai.

Platform ini menyediakan pengaksesan data secara langsung melalui API atau integrasi pangkalan data, bagi menyokong pelaksanaan proses kerajaan yang lebih efisien seperti *data validation*, *data verification*, *auto-population*, dan *backend automation*.

NIH direka untuk mengurangkan kebergantungan terhadap proses manual, meningkatkan *interoperability*, serta mempercepatkan penyampaian perkhidmatan awam. Ia juga akan membantu dan menyokong kepada pengoperasian sektor awam yang lebih cekap, *collaborative* dan *data-driven*.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Bomba dan Penyelamat



Kumpulan “FIREPILI SQUAD (FPS)”

10. “SISTEM PEMETAAN SECARA DIGITAL PILI-PILI BOMBA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”

AHLI-AHLI

Awang Syu'aib bin Kifli, Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat
Awang Norazmi bin Haji Md. Daud, Penguasa Bomba dan Penyelamat
Dayang Nur Ayu Qistina binti Abdullah Encharang @ Masseri Anak Encharang,
Penguasa Bomba dan Penyelamat
Awang Muhammad Rafiq bin Reduan, Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat
Awang Fredee Harisan bin Haji Tarsat, Pegawai Balai
Awang Abu Mohammad Nazif bin Ismail, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II – SKIPPA
Dayang Nur Amalina binti Jonhimran, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II – SKIPPA

SINOPSIS

Projek ini adalah salah satu inisiatif Jabatan bagi menerokai pendekatan terkini untuk mempermudah dalam mengenalpasti lokasi pili-pili bomba yang terdapat di negara ini, dan juga bagi urusan pemantauan keadaan sistem Pili Bomba (*Fire Hydrant*) bagi tujuan pemeriksaan dan penyelenggaraan dengan lebih efektif dan teratur.

Secara tidak langsung, tujuan projek ini akan memudahkan anggota-anggota bomba yang bertugas di lapangan mencari lokasi pili-pili bomba yang berdekatan secara tepat dan pantas semasa insiden kebakaran dan kecemasan dengan memfokuskan penggunaan teknologi yang sedia ada seperti penggunaan peta digital, *dashboard*, *geospatial*, *data archiving*. Teknologi yang akan diperkenalkan di dalam projek ini akan menggunakan aplikasi yang mempunyai keupayaan bagi merekod dan akses data-data berkaitan dengan lokasi, keadaan dan hasil pemeriksaan sistem Pili Bomba (*Fire Hydrant*). Tambahan pula, projek ini memperkenalkan sistem pemetaan digital (geotagging) dengan menggunakan *KoboToolbox* form bagi mengenalpasti lokasi dan status Pili Bomba (*Fire Hydrant*) di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Adapun pendekatan projek ini adalah bertujuan bagi menggantikan kaedah pengurusan konvensional seperti penggunaan manual (borang kertas/minit) dan *Google MyMap*, dengan menggunakan platform digital yang lebih efisien serta mengurangkan kekeliruan data dan memudahkan proses pengemaskinian maklumat pili bomba secara nyata (*real-time*).

KEMENTERIAN KESIHATAN
Jabatan Hematologi, Perubatan Dalaman



Kumpulan "Health Heroes United"

**11. "PELAKSANAAN UJIAN POINT-OF-CARE INTERNATIONAL
NORMALISED RATIO (POC-INR) DI KLINIK WARFARIN BAGI HOSPITAL
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA DAN HOSPITAL SURI SERI
BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"**

AHLI-AHLI

Dayang Susylawati binti Hj Magon, Pegawai Saintifik
Dk. Hajah Ruwaida binti Pg Dato Paduka Haji Jaberudin, Pegawai Saintifik
Dr. Mohamad Ezam bin Emran, Consultant Gred II
Pengiran Dr. Hajah Roserahayu binti Pengiran Haji Idros, Consultant Haematologist
Dayang Meriati binti Merikan, Pegawai Jururawat
Dayang Norimah binti Yunus, Pemangku Jururawat Kanan
Dayang Emma Munirah @ Salwa binti Haji Mohamad, Pegawai Saintifik Perubatan
Dayangku Dr. Nur Izyan Nakhirah binti Pengiran Mohammad, Pegawai Perubatan
Dayang Norbaiyanie Nora binti Haji Nudin, Pegawai Saintifik
Awang Muhammad Fahmy bin Haji Lakim, Jururawat

SINOPSIS

Ujian *International Normalised Ratio* (INR) ialah ujian makmal yang bertujuan untuk memantau keberkesanan rawatan ubat warfarin. Ubat warfarin ialah ubat antikoagulan yang diberikan kepada individu yang berisiko tinggi untuk mengalami pembekuan darah yang berbahaya. Ini termasuk individu yang mempunyai injap jantung mekanikal, kes irama jantung yang tidak teratur iaitu *atrial fibrillation*, dan gangguan pembekuan tertentu seperti sindrom *antiphospholipid*. Pemantauan keberkesanan rawatan warfarin adalah sangat kritikal untuk mengurangkan komplikasi daripada rawatan yang disebabkan oleh ketidakpatuhan pesakit untuk menghadiri waktu temujanji yang secara tidak langsung boleh mengurangkan kepatuhan pesakit untuk mengambil ubat warfarin mengikut jadual yang telah ditetapkan. Contoh-contoh komplikasi dari rawatan warfarin adalah seperti pendarahan dalaman dan *stroke* yang mana boleh menjejaskan keselamatan pesakit.

Projek Perlaksanaan Ujian Point of Care-INR (POC-INR) di Klinik Warfarin Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Negara Brunei Darussalam, merupakan satu inisiatif inovatif yang bertujuan menambah baik kualiti rawatan serta pengalaman pesakit yang menerima ubat antikoagulan warfarin. Ujian INR (*International Normalized Ratio*) amat penting bagi memastikan tahap pembekuan darah pesakit beram *therapeutic level* yang selamat. Sebelum projek ini diperkenalkan, pesakit warfarin perlu hadir ke hospital dua kali dalam sehari untuk menjalani ujian makmal dan mendapatkan ubat, yang seringkali menyebabkan kesulitan, pembaziran masa dan mengurangkan kepatuhan terhadap temujanji.

Melalui pengenalan teknologi mesin mudah alih CoaguChek Pro II, ujian *Point of Care* INR kini boleh dijalankan secara terus di bilik rawatan oleh jururawat terlatih dengan hanya menggunakan titisan kecil darah melalui kaedah '*fingerprick*'. Keputusan ujian dapat diperolehi dalam masa kurang daripada satu minit, sekali gus mempercepatkan proses rawatan dan meningkatkan keberkesanan klinikal. Inisiatif ini juga menyokong konsep '*one-stop warfarin clinic*', di mana ujian darah, rawatan dan pengambilan ubat warfarin dapat dijalankan di satu lokasi tanpa keperluan lawatan ke makmal dan farmasi yang berasingan.

Keberkesanan projek ini dibuktikan melalui peningkatan tahap kepuasan pesakit, pengurangan masa menunggu, peningkatan interaksi antara pesakit dan penyediaan rawatan, serta pengurangan risiko komplikasi berkaitan rawatan warfarin. Kajian kos juga menunjukkan pengurangan perbelanjaan sebanyak 34.9% berbanding ujian tradisional yang dibuat di makmal. Di samping itu, sistem Bru-HIMS telah diintegrasikan untuk membolehkan keputusan ujian dimasukkan secara automatik ke dalam rekod digital pesakit, menggantikan penggunaan kad manual (pink card) yang sebelum ini terdedah kepada '*transcription error*'.

Projek ini selari dengan Wawasan Brunei 2035, Pelan Strategik Kementerian Kesihatan serta matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG 3) untuk memastikan kehidupan sihat dan kesejahteraan bagi semua. Berdasarkan kejayaan pelaksanaannya, projek ini dirancang untuk diperluas ke klinik pediatrik serta klinik kesihatan lain di seluruh negara, dengan sokongan sistem Bru-HIMS 2.0 dan aplikasi BruHealth untuk pengurusan temujanji dan data pesakit secara *real-time*. Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap, inovatif dan berpaksikan pesakit demi kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

KEMENTERIAN KESIHATAN
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan



Kumpulan "Paediatric Nursing Services"


12. "EARLY NURSING INTERVENTION ON PROPER METERED DOSE INHALER (MDI) TECHNIQUE FOR ASTHMA AMONG CHILDREN CAN PREVENT READMISSION TO HOSPITAL"

AHLI-AHLI

Dr. Haji Azlan bin Haji Jaludin, Pegawai Perubatan Kanan Gred I
Dayang Hajah Kamariah binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Jururawat Tingkat Khas
Dayang Nurul Ozliana binti Osman, Pegawai Jururawat
Dayang Nordiana Liza binti Haji Abdul Malek, Jururawat

SINOPSIS

Sinopsis mengenai tajuk ini adalah mengenai penggunaan Sedut Dos Meter (MDI) bagi kanak-kanak (pediatrik). Penyedut dos bermeter (MDI) biasanya digunakan untuk rawatan asma pada kanak-kanak (pediatrik), terutamanya apabila digunakan dengan *spacer* atau ruang penahanan. Ruangan penahan ini menghantar ubat yang disedut, seperti bronkodilator dan kortikosteroid, terus ke paru-paru. Penggunaan MDI dikalangan kanak-kanak (pediatrik) sering diutamakan kerana kemudahan penggunaan, mudah alih dan keupayaan untuk menyampaikan pelbagai jenis ubat. Pengetahuan mengenai penyakit asma serta teknik penggunaan MDI yang betul adalah penting bagi ibu bapa atau penjaga mengetahuinya bagi mengelakkan terjadi kekerapan serangan asma dan kemasukan ke hospital.



PROGRAM PENGGREDAAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA) MELALUI PENARAFAN BINTANG



PENGERTIAN DAN OBJEKTIF 3PSA



SKOP PENILAIAN 3PSA

3PSA menilai dua (2) dimensi iaitu pembolehdaya (*enablers*) dan pencapaian (*results*).

Wajaran (*weightage*) telah ditetapkan bagi setiap dimensi iaitu 40% bagi *enablers* dan 60% bagi *results*.

Setiap dimensi dibahagikan kepada empat (4) skop yang sama iaitu:

Skop 1: Strategi dan Pelaksanaan;

Skop 2: Dasar dan Pelaksanaan;

Skop 3: Sumber Manusia; dan

Skop 4: Pemedulian Pelanggan.



Rajah 1 - Skop Penilaian 3PSA


STRATEGI PELAKSANAAN 3PSA

Beberapa strategi telah dilaksanakan bagi penilaian 3PSA, di mana sebelum penilaian formal dilaksanakan, bengkel 3PSA akan dilaksanakan terlebih dahulu kepada agensi-agensi yang dikenalpasti untuk dinilai bagi memperkenalkan serta memberi kefahaman mengenai 3PSA. Sejurus itu peserta bengkel akan melaksanakan *self-assessment* di agensi masing-masing. Bengkel dan *self-assessment* ini dilaksanakan dalam tempoh satu ke dua tahun sebelum penilaian formal dilaksanakan.

Manakala, *checkpoint* akan dilaksanakan pada tahun kedua selepas penilaian formal dilaksanakan sebagai "mid-term review" bagi mengetahui status pelaksanaan cadangan pembaikan yang telah dicadangkan dan dipersetujui semasa penilaian formal 3PSA.

Disamping itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga secara berterusan memberikan khidmat konsultasi kepada agensi yang memerlukan di sepanjang tempoh proses pelaksanaan 3PSA (Rajah 2).

Dan setelah *validity* penilaian formal 3PSA tamat tempoh tiga (3) tahun, penilaian susulan akan dilaksanakan.



Rajah 2 - Strategi Pelaksanaan 3PSA

PENCAPAIAN 3PSA

Penilaian 3PSA pada peringkat awal mengutamakan agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan seterusnya dilaratkan kepada agensi-agensi yang kurang berurusan dengan orang ramai. Sejak pelaksanaan 3PSA bermula Tahun Kewangan 2016/2017 sehingga Tahun Kewangan 2023/2024, sebanyak 69 penilaian telah dilaksanakan termasuk 21 penilaian susulan terhadap 48 agensi Kerajaan dan pencapaian tertinggi bagi agensi yang dinilai adalah 82.1% di tahap Sangat Baik (4 bintang).

Rajah 3 di bawah menunjukkan hasil daripada penilaian dan penelitian bagi Tahun Kewangan 2016/2017 sehingga Tahun Kewangan 2023/2024, dengan sebanyak 13 agensi kerajaan telah mencapai sekurang-kurangnya tahap Baik (3 bintang) dan ke atas, dan sekaligus menerima anugerah semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam.

AGENSI YANG TELAH DIANUGERAHKAN 3PSA [SEMASA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM]	
	
Jabatan Perdana Menteri	
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam [2019 & 2024]	
Kementerian Kesihatan	
Jabatan Perkhidmatan Makmal [2022]	
	
	Jabatan Perdana Menteri
	Jabatan Perkhidmatan Awam [2019]
	Jabatan Perkhidmatan Elektrik [2022]
	Kementerian Kewangan dan Ekonomi
	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja [2022]
	Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat Den Nama-Nama Perniagaan (RoCIN) [2022]
	Kementerian Hal Ehwal Ugama
	Jabatan Hal Ehwal Syeriah [2018]
	Kementerian Kesihatan
	Jabatan Perkhidmatan Farmasi [2018 & 2024]
	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan [2018]
	Jabatan Buruh [2018]
	Kementerian Pembangunan
	Jabatan Perancang Bandar dan Desa [2018 & 2023]
	Jabatan Tanah [2018]
	Jabatan Ukur [2022]

Rajah 3 - Senarai Agensi-Agensi Kerajaan Yang Telah Dianugerahkan 3PSA Semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

KESIMPULAN

Melalui pelaksanaan 3PSA ini, diharapkan dapat memberikan impak yang positif terhadap Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dengan penekanan kepada pencapaian hasil (*results*), dan seterusnya meningkatkan serta mengukuhkan tadbir urus Perkhidmatan Awam yang berkesan bagi merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)



PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja pegawai dan kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh pegawai dan kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian atau Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara rasmi kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

Untuk memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan pegawai dan kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.

Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian atau Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan ebrkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

Untuk mewujudkan nilai tambah (value added) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai aspek, iaitu:

KEPIMPINAN

- Dinilai dari segi profesionalisme, keupayaan membimbing dan memimpin pegawai dan kakitangan bawahan sebagai satu pasukan yang mantap.

BERWAWASAN (VISIONING)

- Dinilai dari segi kebijaksanaan, mempunyai fikiran dan pandangan jauh dan strategik, dan membuat keputusan berorientasikan hasil.

CONTOH TERBAIK (ROLE MODEL)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

INOVATIF

- Dinilai dari segi penghasilan inovasi dalam pelaksanaan kerja, contohnya, memperkenalkan kaedah atau sistem pelaksanaan kerja baharu yang lebih efektif dan efisien.

KOMUNIKASI BERKESAN

- Dinilai dari segi keberkesanan menyampaikan, menerima dan membincangkan maklumat / idea / pengetahuan dengan tepat dan jelas.

PEMANGKIN PERUBAHAN POSITIF

- Dinilai dari segi keupayaan mengurus perubahan dan mempengaruhi rakan sekerja secara positif ke arah peningkatan dan perubahan mengikut keperluan, dasar dan peraturan semasa.

PENGLIBATAN DALAM KERJA KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja sukarelawan di luar dari tugas-tugas rasmi yang dapat memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai (masyarakat). Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan dan perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Ciri-ciri yang dinilai adalah seperti berikut:

CONTOH TERBAIK (*ROLE MODEL*)

- Dinilai dari segi keupayaan untuk menjadi contoh terbaik dari segi prestasi, disiplin, akhlak dan keperibadian.

KOMITMEN

- Dinilai dari segi sikap yang positif dalam memberikan sepenuh tenaga, perhatian dan sokongan kepada pelaksanaan setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta menunjukkan semangat dan tahap motivasi yang tinggi.

PERWATAKAN

- Dinilai dari segi keperibadian yang merangkumi budi pekerti, tingkah laku, pemikiran, cara pembawaan diri dan keupayaan berinteraksi sesuai dengan keadaan.

BERINISIATIF

- Dinilai dari segi keupayaan untuk mengenal pasti masalah atau keperluan penambahbaikan, dan seterusnya memberi saranan atau mengambil langkah untuk memulakan usaha-usaha penyelesaian atau penambahbaikan yang bersesuaian. Proaktif dan tidak camah mata.

SUMBANGAN

- Dinilai dari segi sumbangan di luar daripada skop tugas harian yang boleh meningkatkan imej dan prestasi organisasi. Contohnya, menyumbang kepada peningkatan kemahiran rakan sekerja melalui sesi perkongsian, menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan Jabatan dan mengenalkan sistem penambahbaikan proses kerja.

PENGLIBATAN DALAM KESUKARELAWANAN

- Dinilai dari segi penglibatan dalam kerja-kerja sukarelawan di luar daripada tugas-tugas rasmi yang memberi manfaat kepada organisasi atau orang ramai. Perkara ini meliputi penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kebudayaan, keagamaan, kesukanan dan perekonomian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


PENERIMA - PENERIMA APCPA



JABATAN PERDANA MENTERI



Dayangku Siti Noryol Faeizah
Masayu binti Pengiran Haji Omarali
Pegawai Sumber Manusia
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Awam



Dayang Harzuna @ Roziah binti
Awang Haji Damit
Penolong Juruaudit Tingkat I
Bahagian III
Jabatan Audit



Dayang Sarimah binti Haji Abd Rahman
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Perdana Menteri

KEMENTERIAN PERTAHANAN



Dayang Tieng Chwei Peng
Jurutera Kerja
Bahagian II
Jabatanarah Pembangunan dan
Perkhidmatan Kerja



**Dayang Hajah Fariah binti
Haji Awang Md Daud**
Penolong Pentadbir
Bahagian III
Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik
Sultan Haji Hassanal Bolkiah



**Awang Haji Azaman bin
Haji Asat / Arshad**
Kerani
Bahagian IV
Jabatanarah Pentadbiran dan
Tenaga Manusia



Awang Abu Bakar bin Haji Osman
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



Dayang Nurul Izzah binti Abdul Kahar
Setiausaha Lembaga Tawaran Negara
Bahagian II
Lembaga Tawaran Negara



Awang Mohamed Azrin bin Haji A. Magon
Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I
Bahagian III
Jabatan Perbendaharaan



Awangku Mesriduan bin Pengiran Haji Zidi
Kerani
Bahagian IV
Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



Dayang Kasmah binti Haji Zamal
Setiausaha Sulit
Bahagian II
Pejabat Setiausaha Tetap



Dayang Nurul Jannah binti Haji Mat Salleh
Ataci (Penyelia Perhubungan)
Bahagian III
Jabatan ASEAN



Dayang Siti Amalina binti Haji Awang
Penyelenggara Tingkat I
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran



Awang Mohammad Khairi bin Haji Abu Bakar
Pekerja Tingkat I (Tetap)
Bahagian V
Jabatan Eropah dan Amerika

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Awang Haji Mohammad Jaya bin Haji Metussin
Pegawai Pelajaran
Bahagian II
Jabatan Pengajian Islam



Awang Haji Muhammad Kartolo bin Haji Abang
Imam Tingkat II
Bahagian III
Jabatan Hal Ehwal Masjid



Dayang Hajah Latiffah binti Haji Ja'afar
Pekerja Tingkat Khas (Tetap)
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran




Dayang Hajah Aisah binti Haji Muhammad
Ketua Tukang Masak
Bahagian V
Jabatan Pengajian Islam

KEMENTERIAN KESIHATAN



Awang Haji Muhammad Shahril bin Haji Ali
Pegawai Jururawat
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan



Dayang Rokiah binti Haji Jamahat
Penyelia Pejabat
Bahagian III
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam
Sekitar



Dayang Jaidah binti
Haji Awang Jamahat / Jumat
Bidan Tingkat Khas
Bahagian IV
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan



Dayangku Jamilah binti
Pengiran Haji Othman
Pekerja Tingkat I (Tetap)
Bahagian V
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Haji Mohammad Azmi
bin Haji Suhaili**
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Bahagian II
Jabatan Daerah Temburong



Awang Haji Hasslanny bin Haji Daud
Pembantu Teknik Kanan
Bahagian III
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



Awang Haji Yusri bin Awang Haji Ahmad
Pegawai Balai
Bahagian IV
Jabatan Bomba dan Penyelamat



Awang Mohammad Najib bin Bagol
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



**Dayang Adilah Multazimah binti
Haji A. Abd Rahman**
Pegawai Pelancongan
Bahagian II
Jabatan Kemajuan Pelancongan



**Awang Mohammad Amin
bin Haji Bakar**
Penolong Pegawai Perikanan
Bahagian III
Jabatan Perikanan



**Awang Mohammad Alif Shahfeeie
bin Mohd Azalan**
Pemeriksa Ternakan
Bahagian IV
Bahagian Biosekuriti dan Akses Pasaran,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan



**Awang Mohammad Nurizzat Azizan Haziq
bin Haji Haziz**
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abd Rahman
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Bahagian II
Jabatan Perancang Bandar dan Desa



Dayang Nurul Akmar binti Suili
Penolong Pentadbir
Bahagian III
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi



Awang Haji Zulkifli bin Haji Asli
Juruteknik Ukur
Bahagian IV
Jabatan Ukur



Awang Haji Erin bin Haji Musli
Pemandu
Bahagian V
Jabatan Ukur

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Awang Muhammad Khairulanwar bin Haji Yunus
Pegawai Kerja
Bahagian II
Jabatan Pentadbiran
dan Perkhidmatan-Perkhidmatan



Awang Sarifulrizal bin Haji Jambul
Pembantu Teknik Kanan
Bahagian III
Politeknik Brunei



**Dayang Nurirma Yusrina binti
Haji Adanan**
Kerani
Bahagian IV
Pusat Kerjasama Sains, Teknologi
dan Alam Sekitar [STEP]



Dayang Hajah Wati binti Haji Ahmad
Pekerja Tingkat II (Tetap)
Bahagian V
Sekolah Sukan

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



Awang Mohamad Ali bin Haji Momin
Pengawal Pos
Bahagian II
Jabatan Perkhidmatan Pos



Awang Azme bin Julaihe
Pegawai Melesen Kanan
Bahagian III
Jabatan Pengangkutan Darat



**Awang Haji Ismail bin
Haji Mohamad Noor**
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Kajicucu Brunei Darussalam



Awang Aslan bin Mat Yasin
Atendan Lapangan Terbang
Bahagian V
Jabatan Penerbangan Awam

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut
Pegawai Sejarah
Bahagian II
Jabatan Pusat Sejarah Brunei



Dayang Nursulhi binti Haji Tuah
Pegawai Belia dan Sukan
Bahagian III
Jabatan Belia dan Sukan



Awang Abdul Ghani bin Murni
Pekerja Pembangunan Masyarakat Tingkat II
Bahagian IV
Jabatan Pembangunan Masyarakat



Dayang Zaleha binti Mat Noor
Atendan Dewan
Bahagian V
Jabatan Muzium-Muzium



KHUTBAH JUMA'AT KHAS

**SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
KALI KE-32, TAHUN 2025**



HIASI DIRI DENGAN SIFAT AMANAH

(04 ربيع الثاني 1447 / 26 September 2025)

Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertaqwalah kita ke hadrat Allah ﷻ dengan meningkatkan keimanan kepadaNya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ﷻ ialah orang yang bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingat Allah ﷻ beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Menghiasai diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah satu keutamaan bagi membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Di dalam Islam, orang-orang yang berakhlak baik dan mulia ini menempati kedudukan yang tinggi di dunia dan juga di akhirat.

Rasulullah ﷺ dalam hadis baginda ada menjelaskan mengenai kedudukan ataupun darjat orang yang baik dan mulia akhlaknya itu di hari kiamat kelak. **Daripada Jabir رضى الله عنه, Rasulullah ﷺ bersabda:**

إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبَكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya: Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik. (Hadis riwayat Imam Tirmizi)

Adapun antara akhlak mulia yang patut dimiliki oleh setiap umat Islam itu adalah amanah. Apakah dia sifat amanah? Amanah adalah segala sesuatu yang dipercayakan kepada manusia, baik yang menyangkut hak dirinya, hak orang lain mahupun hak Allah ﷻ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Agama Islam menganjurkan umatnya agar menghiasi diri dengan sifat amanah. Betapa besar kepentingan amanah itu sehingga ia dijadikan sebagai salah satu sifat yang wajib bagi seorang rasul. Tanpa ada sifat amanah, sesuatu matlamat itu tidak mungkin akan tercapai seperti yang dirancang.

Sesungguhnya amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan sangat berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh diambil ringan. Adapun antara contoh yang boleh dikaitkan dengan amanah itu adalah mengamalkan sifat amanah dalam pekerjaan, tidak kira sama ada seseorang itu bekerja sendiri, bekerja di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Perihal amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 4 Julai 2022 di Istana Nurul Iman, antara petikan titah baginda:

“Jawatan yang disandang adalah semata-mata amanah, di mana amanah adalah merupakan perjanjian suci kita dengan Allah. Jika amanah itu, tidak atau salah ditunaikan maka bererti kita telah melanggar perjanjian tersebut.

Di antara amanah bagi pemegang-pemegang jawatan ialah melaksanakan tanggungjawab dengan telus dan adil, bersikap baik sangka terhadap semua anak buah serta mengelakkan amalan pilih kasih termasuk tidak sekali-kali bersikap suka mencari-cari kelemahan atau kesalahan orang-orang di bawah tangan kita kemudian menghukumnya dengan tindakan-tindakan melulu yang menyakiti.”
Demikian baginda bertitah.

Oleh itu, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang jawatan hendaklah memikul dan menaunginya dengan penuh rasa amanah dan tanggungjawab, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Seorang pekerja khususnya penjawat awam hendaklah berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik dan sempurna, bersungguh-sungguh, mempunyai rasa tanggungjawab, menunjukkan komitmen, tidak membebankan orang lain dan menyiapkan tugas yang diberikan dengan amanah dan tepat pada waktunya. Justeru, kita perlu menterjemahkan amanah secara praktikal dalam pekerjaan. Antaranya amanah pada masa dan tugas yang diberikan, amanah pada harta, data yang dipertanggungjawabkan, amanah dalam perolehan dan kewangan, amanah dalam mengurus konflik kepentingan, amanah pada layanan, amanah dalam membuat keputusan dan sebagainya.

Perlu diketahui, bahawa sifat amanah itu sekiranya telah tertanam subur di dalam diri kita, Insya Allah, tidak akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa, curi tulang, melaksanakan kerja kurang berkualiti, cuai dan sambil lewa sahaja. Maka di sini jelaslah bahawa sifat amanah itu diibaratkan sebagai anak kunci kejayaan kepada sesuatu organisasi, syarikat, jabatan dan kementerian. Inilah sumbangan besar kita kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Seiring hala tuju pembangunan negara yang menekankan integriti, kecemerlangan dan kesejahteraan sosial.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Agama kita mewajibkan umatnya untuk menjaga dan memelihara amanah dan mengharamkan melakukan khianat dengan mencuaikan amanah. Allah ﷻ berfirman dalam Surah Al-Anfaal ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui.

Selain itu, dalam Al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah ﷺ ada menjelaskan mengenai balasan terhadap orang-orang yang mencuaikan amanah dan berbuat khianat, antaranya:

Pertama: Orang yang berbuat khianat akan menerima balasan di akhirat kelak. Allah ﷻ berfirman dalam Surah Ali-Imran ayat 161:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغْلُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَمَةِ ثُمَّ تُوَفَّى
كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ
صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Tafsirnya: Dan tidak mungkin seorang nabi berkhianat (dalam urusan harta rampasan perang). Dan sesiapa yang berkhianat nescaya dia akan datang membawa apa yang dikhianatkannya itu pada hari Kiamat.

